

12/05/2002

Perjuangan Pas semakin diragui

Ahmad Naim Tahir

KLUANG: Semakin ramai ahli Pas hilang keyakinan kepada parti itu dan memilih menyertai Umno untuk menjaga kepentingan mereka, sekali gus membuktikan sokongan dan keyakinan masyarakat Melayu terhadap Umno kini semakin meningkat.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata Umno kini bukan saja menerima kemasukan ahli baru dari masyarakat biasa, malah membabitkan beribu bekas ahli Pas.

"Ini membuktikan sokongan dan keyakinan orang Melayu terhadap Umno semakin meningkat dan antara puncanya kerana kejayaan kerajaan menyelesaikan pelbagai masalah termasuk ekonomi.

"Kemasukan ahli baru dan bekas ahli Pas membuktikan dasar serta perjuangan Umno semakin diterima orang Melayu sehingga keahlian parti kini hampir mencecah tiga juta," katanya.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata demikian pada perjumpaan dengan pemimpin dan ahli jawatankuasa Umno bahagian Sungei Benut, di Simpang Renggam, kelmarin.

Muhyiddin kemudian meluangkan masa lebih empat jam menyertai majlis jamuan makan serta dialog anjuran Umno cawangan Kampung Melayu, Layang-Layang dan bahagian penguat kuasa kementerian itu cawangan Kluang.

Muhyiddin berkata, pemimpin tertinggi Umno kini dipandang tinggi pada peringkat antarabangsa berikutan kejayaan kerajaan menstabilkan semula ekonomi dan mengukuhkan kedudukan kewangan negara.

Beliau berkata, perancangan teliti serta dasar baru yang diperkenalkan kerajaan di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya menjadikan Malaysia dipandang tinggi di peringkat antarabangsa.

"Kejayaan negara menyebabkan banyak negara asing ingin mengetahui dan mempelajari cara kita untuk digunakan di negara mereka," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Umno meneruskan kempen menambah ahli dan perkukuh jentera pentadbiran pada semua peringkat supaya terus menjadi parti utama orang Melayu.

"Bagi mencapai matlamat ini, Umno perlu mengeratkan lagi perpaduan dan mengukuhkan pentadbiran pada semua peringkat selain giat meneruskan kempen menambah ahli selaras keputusan ibu pejabat parti," katanya.

(END)